



**SEKUMPULAN** pelajar Universiti Malaysia Sabah bersama anggota tentera yang bertugas dalam program lawatan ke Kampung Tanjung Lablan, Lahad Datu, Sabah, baru-baru ini.

## Pelajar UMS lawat Tanjung Labian

UM 12.2.2014 26

KOTA KINABALU 11 Feb. - Menyedari kepentingan penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kemasyarakatan, sekumpulan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengambil inisiatif menganjurkan program lawatan ke Kampung Tanjung Labian, Lahad Datu Sabah baru-baru ini.

Kampung berkenaan merupakan antara lokasi pencerobohan kumpulan pengganas Kiram pada Februari tahun lalu yang mengorbankan 10 anggota pasukan ke-

selamatan negara.

Antara pengisian lawatan itu ialah para pelajar psikologi UMS turut mengadakan sesi kaunseling bersama penduduk yang sedikit sebanyak mampu meringankan bebanan emosi mereka.

Pada program tersebut, pelajar-pelajar UMS turut mengagihkan barangan bantuan daripada pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kepada para penduduk selain berkesempatan melawat ke kem kawalan tentera da-

rat yang berpangkalan di kawasan itu.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Md. Mansur berkata, pihak universiti sentiasa mengharapkan agar mahasiswa UMS terus menyumbang dalam aktiviti kemasyarakatan.

“Penglibatan mereka dalam aktiviti sedemikian mampu mendidik golongan muda agar menghargai keharmonian dan kedaulatan negara kita,” tambahnya.